

# POLISI E-PEMBELAJARAN USIM

Ernie Suzana Ali (PhD)  
Mohd Saiful Abdul Samad  
Mohd Ilias M Shuhud

Versi 1.8  
Julai 2013



ent industries  
new ideas  
ing requirements  
pting the whole  
ication eco-system

the US<sup>11</sup> to push forward  
project Tin Can which  
industry-wide e-Learn  
standards for software


IBIS Capital's hot picks  
for e-Learning for 2013:  
next generation content and  
its creation tools, adaptive  
learning, collaborative learning  
Learning Record Stores (LRS)  
re-purposable learning, Mass  
Open Online Courses (MOOCs)  
and Open Education Resource  
(OER) management

#### Customer



- Cost
- Level of Qualification
- Flexibility

2011 FY Revenue \$bn	Education Revenue as % of Total Revenue	HQ	Market Cap. \$bn
9.1	75%	UK	15.2
6.2	37%	US	13.7
5.0	74%	Japan	4.9
4.1	58%	US	3.8
4.7	100%	US	3.5



#### e-Learning Breakdown I



#### Recent M&A Transactions

Transaction Date	Target	Acquirer	Target Sector	Transaction Value	Investor
Nov 12	Call2Center	John Wiley & Sons	Distribution	\$1.5 billion	Sequoia Fund
Oct 12	Plano	Blackboard	Education	\$1.5 billion	Academic Partners
Oct 12	Blackboard	Blackboard	Education	\$1.5 billion	Charles River Ventures, Archegos, UDRACCTY
Aug 12	Blackboard	Blackboard	Education	\$1.5 billion	Blackboard Capital
Aug 12	Blackboard	Blackboard	Education	\$1.5 billion	SB & Menckes, Gates Foundation, Palfy Ventures



**KAWALAN DOKUMEN**

No	Versi	Tarikh	Nota Pindaan	Dipinda Oleh	Disahkan Oleh
1	1.0	22/06/09		Mohd Saiful Abdul Samad	
2	1.1	04/06/10		Mohd Ilias M. Shuhud	
3	1.2	16/06/10		Mohd Ilias M. Shuhud	
4	1.3	11/11/11		Dr. Ernie Suzana Ali	
5	1.4	05/12/11		Dr. Ernie Suzana Ali	
6	1.5	23/05/12		Dr. Ernie Suzana Ali	
7	1.6	19/10/12		Dr. Ernie Suzana Ali	
8	1.7	10/07/13		Dr. Ernie Suzana Ali	
9	1.8	23/07/13		Dr. Ernie Suzana Ali	

**ISI KANDUNGAN**

1.0	PENGENALAN .....	2
2.0	SKOP .....	2
3.0	OBJEKTIF.....	3
4.0	DEFINISI.....	3
5.0	VISI .....	4
6.0	MISI .....	4
7.0	TAHAP PERLAKSANAAN E-PEMBELAJARAN .....	4
8.0	PELAN HALA TUJU E-PEMBELAJARAN USIM .....	6
9.0	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB .....	7
10.0	HARTA INTELEK DAN HAK CIPTA.....	15
11.0	PENILAIAN & GANJARAN .....	15
12.0	LAIN-LAIN .....	16
	LAMPIRAN A.....	17
	LAMPIRAN B .....	18
	LAMPIRAN C .....	19
	LAMPIRAN D.....	20
	LAMPIRAN E .....	21

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1. Dokumen ini dihasilkan adalah bertujuan menjelaskan dan memperincikan Polisi e-Pembelajaran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selaras dengan Polisi e-Pembelajaran Negara (DePAN).
- 1.2. Dokumen ini juga disediakan bagi menggalakkan pembangunan dan penggunaan e-pembelajaran dalam menyokong proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) di USIM, menjadikan USIM lebih berdaya saing serta berupaya menyediakan graduan, pembelajaran dan pengajaran (P&P) dan perkhidmatan pendidikan yang kompetitif di peringkat global.
- 1.3. Polisi ini dilihat sebagai satu inisiatif untuk menyediakan kerangka pembelajaran berkualiti yang sesuai dengan Model Ekonomi Baru (MEB), seterusnya mendukung intipati strategik Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Salah satu daripada lima teras strategik tersebut ialah dalam membangun modal insan bertaraf dunia dengan memberi tumpuan kepada 12 bidang ekonomi utama nasional (NKEA) terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta perkhidmatan pendidikan.
- 1.4. Polisi ini juga berperanan sebagai panduan bagi memastikan kualiti pembelajaran dan pengajaran (P&P) dapat dipertingkatkan melalui e-pembelajaran yang berkesan. Dokumen ini juga akan dikemaskini dari masa ke masa sejajar dengan keperluan, hasil kajian dan kemajuan teknologi terkini.
- 1.5. E-Pembelajaran digunakan dalam mod *blended learning* iaitu gabungan pembelajaran konvensional dan pembelajaran atas talian dan mod penyelidikan secara jarak jauh.

## 2.0 SKOP

- 2.1 Skop dokumen ini meliputi aspek objektif e-pembelajaran, definisi e-pembelajaran, visi dan misi e-pembelajaran, tahap pelaksanaan e-pembelajaran, peranan dan tanggungjawab pihak terlibat, hak cipta dan harta intelek berkaitan e-pembelajaran serta penilaian dan ganjaran.

### 3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Polisi ini bertujuan memperincikan pelaksanaan e-pembelajaran di USIM:
- 3.1.1 Menjelaskan peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat mengguna dan mengurus sistem e-pembelajaran USIM.
  - 3.1.2 Meningkatkan keberkesanan penggunaan e-pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam semua kursus yang ditawarkan oleh USIM.

### 4.0 DEFINISI

- 4.1 **E-pembelajaran** ialah suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan infostruktur ICT bagi penyebaran pengetahuan dan pelaksanaan pembelajaran kolaboratif (collaborative learning).
- 4.2 **Fakulti** merujuk kepada jabatan di Institusi Pendidikan Tinggi (USIM) yang mengajarkan sesuatu cabang ilmu atau perkara khusus dalam sesuatu jurusan pengajian termasuk gurunya, pelajarnya dan pihak pengurusannya.
- 4.3 **GOALS** merupakan platform e-pembelajaran dalam Sistem Maklumat Universiti (SMU) yang diguna pakai untuk interaksi pengajaran dan pembelajaran di antara guru dan pelajar USIM.
- 4.4 **Guru** bermaksud seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan USIM, dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, fellow, penolong profesor, *reader*, guru kanan, guru, penolong guru, guru bahasa dan matrikulasi, dan tutor.
- 4.5 **Indeks Aktiviti** adalah penunjuk aras yang dihasilkan oleh sistem e-pembelajaran yang mengukur sejauh mana sistem e-pembelajaran bagi sesuatu kursus dimanfaatkan oleh pelajar dan guru.
- 4.6 **Infostruktur** bermaksud sistem rangkaian dan capaian yang diperlukan di dalam e-pembelajaran USIM.
- 4.7 **Latihan** ialah suatu proses yang terancang dan sistematik untuk memberikan peluang kepada seseorang individu bagi memperolehi ilmu, membina kemahiran yang di perlukan.

- 4.8 **Learning Objects** bermaksud sebarang sumber digital yang boleh diulang guna untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.
- 4.9 **Modul** ialah komponen-komponen yang terdapat di dalam e-pembelajaran tetapi tidak terhad kepada *announcement, about the course, course materials dan glossary*.
- 4.10 **Pelajar** bermaksud individu berdaftar dan sedang mengikuti kursus yang ditawarkan oleh universiti bagi sesuatu program pengajian dan disenaraikan dalam daftar pelajar universiti
- 4.10 **Pembelajaran** bermaksud proses seseorang pelajar memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran.
- 4.11 **Pengajaran** bermaksud proses menyampaikan pengetahuan atau kemahiran yang dijalankan oleh seseorang pengajar.
- 4.12 **Pengurusan Universiti** merujuk kepada badan tertinggi USIM untuk satu-satu skop tugas di USIM termasuk Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dan Jawatankuasa Pengurusan ICT (JPICIT).

## 5.0 VISI

- 5.1 Mentransformasi USIM ke arah berdaya saing global menerusi e-pembelajaran

## 6.0 MISI

- 6.1 Membina satu kerangka e-pembelajaran yang berdaya saing serta lestari

## 7.0 TAHAP PERLAKSANAAN E-PEMBELAJARAN

### 7.1 Tahap 1

(Seminggu sebelum semester bermula hingga minggu ke-2)

- i. Memuat naik "*Course Outline*" yang mengandungi maklumat kursus (WAJIB) menggunakan modul "*Link to a file or website*".
- ii. Menggunakan modul "*News Forum*" sebagai pengumuman kepada pelajar bagi memudahkan penyebaran maklumat terkini berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

## 7.2 Tahap 2

(Dari minggu ke 2 hingga akhir semester)

- i. Memuat naik bahan pembelajaran dalam format digital yang sesuai.
- ii. Menyediakan Nota Kuliah (dlm bentuk .pdf, .ppt, .doc dan/atau dalam bentuk yang sesuai mengikut bidang) secara atas talian menggunakan modul "*Link to a file or website*".
- iii. Menyediakan alternatif kepada pelajar untuk menghantar tugas secara atas talian menggunakan modul "*Assignments*" berdasarkan garis panduan penghantaran tugas secara atas talian (**Lampiran A**).

## 7.3 Tahap 3

(Dari minggu ke 2 hingga akhir semester)

- i. Menguruskan Forum atau Perbincangan secara atas talian menggunakan modul "*Forum*" (**Lampiran B**).
- ii. Menyediakan soalan latihan atau kuiz secara atas talian menggunakan modul "*Quiz*".

## 7.4 Tahap 4

(Sepanjang semester)

- i. Guru membangunkan kandungan pembelajaran interaktif dalam bentuk "*Learning Objects*" berasaskan penggunaan teknologi multimedia menggunakan modul "*SCORM*".

## 8.0 PELAN HALA TUJU E-PEMBELAJARAN USIM

		2011-2012	2013-2014	2015 →
INFRASTRUKTUR	JALUR LEBAR	50-100 MB	100-500 MB	1 GB
	HELPDESK & SOKONGAN	Menubuhkan unit <i>helpdesk</i> / khidmat sokongan	Mempunyai khidmat <i>helpdesk</i> dan sistem sokongan	Menyediakan khidmat <i>helpdesk</i> yang efisien
	PERALATAN ICT	Menyediakan peralatan ICT dan pelantar e-pembelajaran web 2.0	Menggunakan pelantar e-pembelajaran 2.0 dan perisian terbuka	Mengembangkan penggunaan Pelantar e-pembelajaran 2.0 dan perisian terbuka
STRUKTUR ORGANISASI	VISI	Mengintegrasikan e-pembelajaran dalam pembelajaran dan pengajaran	Keseluruhan guru dan pelajar menggunakan sepenuhnya e-Pembelajaran dalam P&P	Semua IPT mempunyai visi yang komprehensif yang di kongsi bersama oleh semua <i>stakeholders</i>
	PELAN	Melaksanakan pelan tindakan	Pelan tindakan e-pembelajaran yang komprehensif telah dilaksanakan	Semua bahagian melaksanakan pelan e-pembelajaran dalam urusan harian dan semua kakitangan mengamalkan e-pembelajaran
	KEPIMPINAN	Menubuhkan satu pasukan e-pembelajaran	Pasukan e-pembelajaran dimantapkan	Pelan e-pembelajaran dinilai oleh pasukan penilai berasaskan piawai e-pembelajaran IPT
	POLISI	Polisi e-pembelajaran digubal	Polisi e-pembelajaran diperkemas	Acceptable Use Policy (AUP) dapat mengawal penggunaan teknologi baru dari segi etika dan hak cipta
	UNIT E-PEMBELAJARAN	Menubuhkan unit e-pembelajaran serta menyelaraskan aktiviti e-pembelajaran dengan kerjasama Pusat ICT	Unit e-pembelajaran beroperasi pada tahap 50%	Pusat e-pembelajaran beroperasi sepenuhnya iaitu menjalankan latihan dan R&D bagi e-pembelajaran 2.0
PERKEMBANGAN PROFESIONAL	PENGETAHUAN	25% staf dan pelajar mempunyai kemahiran dalam pedagogi dan mengamalkannya	50% staf dan pelajar mempunyai kemahiran dalam pedagogi dan mengamalkannya	Semua staf dan pelajar mempunyai pengetahuan dalam pedagogi dan mengamalkan e-pembelajaran
	KEMAHIRAN	25% staf dan pelajar mempunyai kemahiran dalam teknologi dan literasi maklumat di IPT	50% staf dan pelajar mempunyai kemahiran dalam pedagogi dan literasi maklumat di IPT	Semua staf dan pelajar mempunyai kemahiran dalam teknologi dan literasi maklumat
	SIKAP	25% staf dan pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap e-pembelajaran	50% staf dan pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap e-pembelajaran	Semua staf, pelajar dan <i>stakeholders</i> IPT mempunyai sikap yang positif terhadap e-pembelajaran
KURIKULUM DAN E-KANDUNGAN	KURIKULUM	USIM harus mempunyai sekurang-kurangnya 5-10% daripada kurikulum kursus dalam mod blended	USIM harus mempunyai 10-30% kurikulum kursus dalam mod blended	USIM harus mempunyai 30% kurikulum kursus dalam mod blended
	PEMBANGUNAN	e-kandungan asli digalakkan dengan 10% e-kandungan dapat dibangunkan oleh IPT	25% e-kandungan asli dapat dibangunkan	50% e-kandungan asli dapat dibangunkan
	PENTAKSIRAN	Taksiran awal yang dilaksanakan mengandungi aktiviti dan kolaborasi	30% peningkatan terhadap aktiviti e-penaksiran	Aktiviti e-penaksiran telah dilaksanakan sepenuhnya
	PIAWAI	Garis panduan e-kandungan mulai digubal	Piawai standard e-kandungan telah digubal dan dinilai untuk pelaksanaan	Standard atau piawai e-kandungan boleh digunakan untuk dilaksanakan oleh semua kursus USIM
PEMBUDAYAAN	KESEDIAAN AKSES	Staf dan pelajar mempunyai akses yang terhad dalam e-pembelajaran	Staf dan pelajar mempunyai akses kepada e-pembelajaran	Staf & pelajar menggunakan e-pembelajaran di semua tahap
	PENGGUNAAN	Terdapat penggunaan e-pembelajaran dalam beberapa kursus akademik tertentu	Penggunaan e-pembelajaran dalam P&P dan Tugas Pentadbiran	IPT menyebarkan dan berkongsi amalan terbaik dalam e-pembelajaran
	INSENTIF	e-pembelajaran merupakan sebahagian daripada beban tugas staf dan pengiktirafan diberi kepada staf	e-pembelajaran merupakan tugas harian bagi seseorang staf akademik di samping memberi pengiktirafan dalam bentuk sijil dan kenaikan pangkat	Staf / guru USIM diberikan pengiktirafan nasional dan sijil

Rujuk Lampiran C untuk Garis Panduan "Blended Mode"

## 9.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Berikut disenaraikan peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh setiap pihak yang terlibat dalam penggunaan dan perkembangan e-pembelajaran di Universiti Sains Islam Malaysia.

### 9.1 PENGURUSAN UNIVERSITI

Pengurusan universiti perlu menetapkan halatuju dan strategi ke arah pelaksanaan pengurusan e-pembelajaran berdasarkan amalan terbaik melalui kaedah-kaedah berikut:

- 9.1.1 Mewujudkan Jawatankuasa Dasar e-Pembelajaran Universiti yang bertanggungjawab menggubal polisi dan memantau pelaksanaan e-pembelajaran di peringkat universiti.
- 9.1.2 Mewujudkan pusat e-pembelajaran di peringkat universiti yang berperanan dalam membudayakan e-pembelajaran dan membangunkan kandungan kursus.
- 9.1.3 Menyediakan dana bagi menyokong pelaksanaan e-pembelajaran meliputi infrastruktur rangkaian, perkakasan, perisian, latihan dan sumber manusia.
- 9.1.4 Menetapkan satu bentuk ukuran bagi penggunaan e-pembelajaran sebagai KPI universiti.

### 9.2 JAWATANKUASA AKADEMIK E-PEMBELAJARAN (JAeP)

- 9.2.1 JAeP bertanggungjawab membincangkan keperluan, dasar atau / dan polisi e-pembelajaran USIM berdasarkan input yang diberikan oleh komiti.
- 9.2.2 Menyemak semula keperluan, dasar atau / dan polisi e-pembelajaran yang telah digubal dari masa ke masa bagi memastikan kerelevannya.
- 9.2.3 Bertindak sebagai pihak perantara antara pelaksana dan pengurusan universiti sebagai wahana penyampai maklumat dan keperluan e-pembelajaran.



### 9.3 JAWATANKUASA TEKNIKAL E-PEMBELAJARAN (JTeP)

- 9.3.1 JTeP bertanggungjawab membincangkan keperluan, dasar atau / dan polisi teknikal e-pembelajaran USIM berdasarkan input yang diberikan oleh JAeP dan komiti.
- 9.3.2 Menyemak semula keperluan, dasar atau / dan polisi e-pembelajaran yang telah digubal dari masa ke masa bagi memastikan kerelevannya dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa e-pembelajaran.
- 9.3.3 Bertindak sebagai pihak perantara antara pelaksana dan pengurusan universiti sebagai wahana penyampai keperluan teknikal dan ICT e-pembelajaran.
- 9.3.4 Membincang dan mengetengahkan teknologi ICT yang terkini untuk diadaptasi dalam e-pembelajaran kepada Pengurusan Universiti.
- 9.3.5 Menjadi laluan kepada kolaborasi sumber e-pembelajaran dikolaborasi antara universiti.

### 9.4 PUSAT AKSES PEMBELAJARAN TERBUKA GLOBAL (GOAL CENTRE)

- 9.4.1 Menyediakan manual, panduan penggunaan, garis panduan dan tutorial untuk kegunaan guru.
- 9.4.2 Memantau pelaksanaan dan perkembangan penggunaan e-pembelajaran di kalangan guru dan pelajar dan melaporkannya kepada pihak universiti secara berkala.
- 9.4.3 Menyediakan indeks aktiviti yang menjadi penunjuk aras kepada aktiviti e-pembelajaran.
- 9.4.4 Menjalankan kajian keberkesanan program e-pembelajaran dan mencadangkan penambahbaikan yang diperlukan.
- 9.4.5 Mendapatkan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan tentang e-pembelajaran.
- 9.4.6 Menyelaras aktiviti-aktiviti pelaksanaan e-pembelajaran di universiti sejajar dengan Polisi e-Pembelajaran USIM.

- 9.4.7 Menjelaskan kepada pengguna mengenai tatacara penggunaan GOALS yang efektif melalui latihan, bengkel, kursus dan juga menyediakan bahan-bahan rujukan untuk pengguna.
- 9.4.8 Menyelenggara dan mengemaskini laman web GOAL Centre.
- 9.4.9 Membantu staf akademik dalam proses menyediakan kandungan e-pembelajaran.
- 9.4.10 Memberi khidmat sokongan berkenaan GOALS kepada staf akademik dan pentadbiran.
- 9.4.11 Bekerjasama dengan Pusat Teknologi Maklumat dalam hal-hal berkaitan infrastruktur dan perisian yang bersangkutan dengan GOALS dan GOAL Centre.
- 9.4.12 Pemantauan e-pembelajaran
- i. Memantau dan melakukan analisis penggunaan GOALS.
  - ii. Mengadakan latihan atau bengkel penggunaan modul-modul dalam GOALS.
  - iii. Memperoleh indeks aktiviti dari bilangan capaian penggunaan GOALS.
- 9.4.13 Perkhidmatan Pelanggan
- i. Mewujudkan pusat perkhidmatan (*walk in / phone call / email / helpdesk system*) mengikut waktu kuliah universiti atau mengikut keperluan universiti.

## 9.5 JAWATANKUASA KECIL KUALITI KANDUNGAN E-PEMBELAJARAN CDU

*Content Development Unit* (CDU) adalah unit yang bergerak di bawah GOAL Centre dengan tanggungjawab untuk membangunkan e-kandungan bagi sebarang kursus yang ditawarkan secara atas talian. Jawatankuasa Kecil kualiti akan bergerak di bawah CDU dengan fungsi berikut:

- 9.5.1 Memastikan bahan e-pembelajaran yang dihasilkan selaras dengan objektif dan hasil pembelajaran kursus yang ditawarkan.
- 9.5.2 Memastikan *Learning Objects* yang dibangunkan oleh guru memenuhi piawai dan dikawal mutunya oleh sebuah jawatankuasa di bawah CDU.
- 9.5.3 Memaklumkan kepada Timbalan Naib Canselor (A&A) tentang pelaksanaan e-pembelajaran berdasarkan laporan yang dicapai oleh guru.

## 9.6 FAKULTI

Pihak fakulti bertanggungjawab membudaya dan menguatkuasakan penggunaan GOALS melalui kaedah-kaedah berikut:

- 9.6.1 Mewajibkan guru mendapat pendedahan dan latihan berkenaan e-pembelajaran.
- 9.6.2 Menetapkan sekurang-kurangnya sepuluh peratus penilaian untuk setiap kursus yang ditawarkan adalah berdasarkan penglibatan secara atas talian.
- 9.6.3 Mewajibkan guru memuat naik "*Course Outline*" dan bahan pembelajaran dalam format digital bagi setiap kursus yang ditawarkan oleh fakulti.
- 9.6.4 Mewajibkan guru mengambil kursus yang berkaitan dengan e-pembelajaran sekurang-kurangnya satu kali melalui sistem MyTRAMS.

## 9.7 GURU

Guru USIM, bertanggungjawab melaksanakan e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran kursus dengan mematuhi perkara berikut:

### 9.7.1 Pelaksanaan

- i. Mematuhi Polisi e-Pembelajaran USIM dan Garis Panduan Amalan Guru Atas Talian (**Lampiran D**).
- ii. Memastikan penggunaan sekurang-kurangnya 30% atau sekurang-kurangnya tiga (3) dari modul yang disediakan dalam GOALS (contoh: *Announcement, Forum, Assignment, Evaluation, Chat, Glossary* dll.) atau sekurang-kurangnya mencapai tahap 2 (**perkara 7.2**).
- iii. Memastikan interaksi guru dan pelajar secara atas talian mengikut Garis Panduan Pengendalian Forum GOALS (**Lampiran B**).

### 9.7.2 Bahan Pengajaran

- i. Guru bertanggungjawab meningkatkan penggunaan dan memperkayakan kandungan kursus mereka, termasuk nota kuliah, forum, soalan latihan / kuiz, tugas & sumber rujukan secara atas talian melalui GOALS yang dimuat naik secara berperingkat.
- ii. Guru bertanggungjawab sepenuhnya ke atas bahan pengajaran dan pembelajaran yang telah dimuat naik ke dalam GOALS dan mengemaskini dari masa ke masa sekurang-kurangnya sekali setiap semester.
- iii. Guru secara berperingkat memperkayakan kandungan kursus dalam bentuk 'Learning Objects' atau bahan pembelajaran interaktif secara akses sendiri melalui GOALS.
- iv. Guru perlu memastikan bahan pengajaran yang dimuat naik relevan dengan kursus dan berkualiti tinggi, tidak melanggar isu hak cipta, harta intelek atau plagiarisme.

- v. Memberi maklum balas sewajarnya kepada pelajar terhadap forum yang dikendalikan untuk kursus.
- vi. Guru bertanggungjawab menjaga privasi pelajar berkaitan dengan tugas dan interaksi dalam e-mel / forum kursus. Sekiranya guru ingin menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan penyelidikan dan / atau penerbitan perlulah mendapat kebenaran pelajar terlebih dahulu.
- vii. Membuat penilaian pelajar berdasarkan maklum balas (*postings / assignment / facilitation*) yang berlangsung melalui GOALS.
- viii. Menjalani latihan atau bengkel penggunaan atau aplikasi berkaitan e-pembelajaran yang dijalankan oleh GOAL Centre, Pusat Teknologi Maklumat dan / atau agensi luar mengikut keperluan.

## 9.8 PELAJAR

Pelajar USIM bertanggungjawab melaksanakan e-pembelajaran dalam pembelajaran kursus mereka dengan mematuhi perkara berikut:

- 9.8.1 Bertanggungjawab mendapatkan pengetahuan dan kemahiran penguasaan GOALS bagi kursus-kursus yang diambil pada setiap semester.
- 9.8.2 Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kerahsiaan kata laluan.
- 9.8.3 Menyedari bahawa sebarang aktiviti dalam GOALS akan direkod di dalam log sistem secara automatik untuk tujuan rujukan dan rekod.
- 9.8.4 Tidak dibenarkan sama sekali menyalahgunakan kemudahan yang disediakan dalam GOALS selain daripada tujuan pembelajaran.
- 9.8.5 Berkomunikasi dengan guru melalui semua kemudahan komunikasi yang disediakan melalui GOALS.
- 9.8.6 Mendapat bantuan teknikal dan sokongan semasa menggunakan GOALS dari *hotline* atau *helpdesk* USIM.
- 9.8.7 Bertanggungjawab memastikan produk / tugas / projek yang dihasilkan adalah profesional, beretika dan tulus. Sebarang aktiviti plagiarism yang

dikesan pelajar boleh di berikan gred “F” bagi kursus / produk / tugas / projek berkenaan.

9.8.8 Mematuhi polisi dan garis panduan e-pembelajaran USIM:

- i. Garis Panduan Amalan e-Pembelajaran Pelajar (**Lampiran E**)
- ii. Garis Panduan Penghantaran Tugas Atas Talian (**Lampiran A**)
- iii. Garis Panduan Pengendalian Forum GOALS (**Lampiran B**)

## 9.9 PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Tugas dan tanggungjawab Pusat Teknologi Maklumat (PTM) berkaitan penggunaan dan pelaksanaan e-Pembelajaran meliputi bahagian berikut:

### 9.9.1 Keselamatan Sistem

- i. Memastikan sistem hanya boleh dicapai oleh pelajar dan kakitangan yang berdaftar dengan USIM **KECUALI** bagi kursus yang boleh dikongsi mengikut tahap yang ditetapkan oleh bahagian akademik.
- ii. Memudahkan capaian melalui ‘*single sign-on*’.
- iii. Menyimpan bahan yang telah dimuat naik di dalam arkib untuk jangka masa minimum 2 tahun.
- iv. Melaksanakan audit keselamatan secara berkala oleh pihak yang bertauliah.
- v. Memastikan server GOALS berfungsi sepanjang masa (“24 X 7”).

### 9.9.2 Infostruktur ICT (rangkaian, perisian dll.)

- i. Menyediakan *bandwidth* yang mana penggunaannya tidak melebihi 70% secara menyeluruh.
- ii. Mewujudkan Minimum *Hot Backup* atau DRC (*Disaster Recovery Centre*).

### 9.9.3 Sistem Maklumat Bersepadu

- i. Mengintegrasikan GOALS dengan Sistem Maklumat Universiti (SMU).
- ii. Mewujudkan perkongsian satu pangkalan data yang diiktiraf oleh universiti.
- iii. Memastikan GOALS mematuhi piawaian W3C (*World Wide Web Consortium*).

### 9.10 PUSAT INOVASI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PIPP)

- 9.10.1 Menjamin dan memantau kualiti program pengajian akademik yang dijalankan secara Pembelajaran Jarak Jauh Atas Talian (ODL).
- 9.10.2 Meningkatkan literasi dan latihan kepada guru berkaitan dengan e-Pembelajaran.
- 9.10.3 Menyediakan latihan yang berkaitan dengan e-pembelajaran kepada guru.
- 9.10.4 Mengawal, memantau serta menambahbaik kualiti pengajaran secara e-pembelajaran.
- 9.10.5 Bertanggungjawab dalam mengenalpasti perisian-perisian yang berkaitan dengan bahan pengajaran / P&P dan dipanjangkan kepada JTeP.

### 9.11 PERPUSTAKAAN

- 9.11.1 Meningkatkan literasi maklumat yang menyokong e-Pembelajaran kepada pelajar-pelajar terutama penggunaan sumber maklumat/rujukan berbentuk digital seperti *e-book*, e-jurnal dan sebagainya.
- 9.11.2 Mewujudkan sistem arkib maklumat atas talian, yang berupaya memenuhi keperluan pelajar atas talian mengikut kursus yang ditawarkan.
- 9.11.3 Memperkaya dan mengemaskini sistem arkib atas talian dari masa ke masa dengan mengambil kira perkembangan kursus terlibat serta mengambil kira perkembangan teknologi sistem arkib atas talian.

## 10.0 HARTA INTELEK DAN HAK CIPTA

- 10.1 Semua bahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dibangunkan menggunakan kemudahan dan sokongan yang disediakan oleh USIM adalah hak milik bersama guru dan USIM.
- 10.2 USIM akan mendapat hak milik sepenuhnya atas bahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dibangunkan jika guru diberi ganjaran pengurangan beban tugas, geran atau upah, bantuan khidmat nasihat serta kakitangan pembangunan multimedia bagi untuk membangun dan menghasilkan bahan P&P tersebut.
- 10.3 Merujuk kepada Perkara 10.2, USIM berhak pada bila-bila masa menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran tersebut untuk diguna semula oleh guru lain dengan memberikan penghargaan dan royalti kepada guru yang menyediakannya.
- 10.4 Guru boleh pada bila-bila masa menggunakan bahan pengajaran tersebut dalam sebarang aktiviti akademik. Ianya bagaimanapun tidak boleh digunakan di institusi lain sebelum mendapat kebenaran daripada USIM.

## 11.0 PENILAIAN & GANJARAN

- 11.1 USIM akan:
  - i. Mengambil kira penglibatan dalam e-pembelajaran sebagai salah satu kriteria kenaikan pangkat.
  - ii. Menyediakan ganjaran yang sesuai kepada guru dan fakulti yang aktif mengguna dan melaksanakan e- pembelajaran.
  - iii. Menyediakan ganjaran yang sesuai bagi guru yang membangunkan *learning objects* bagi kursus yang dikendalikan.
  - iv. Mengiktiraf kerja-kerja membangunkan bahan pengajaran multimedia sebagai suatu beban tugas.
  - v. Sokongan dalam bentuk khidmat nasihat daripada *instructional designer* atau staf pembangunan multimedia.



## 12.0 LAIN-LAIN

- 12.1 USIM berhak mengubah Polisi ini dari masa ke masa.
- 12.2 Polisi e-pembelajaran USIM disemak sekurang-kurangnya setiap 3 tahun bagi memenuhi keperluan serta kehendak semasa dengan mengambil kira semua pihak berkepentingan.

## LAMPIRAN A

### GARIS PANDUAN PENGHANTARAN TUGASAN SECARA ATAS TALIAN

- (i) Pelajar dibenarkan menghantar tugas yang ditetapkan oleh guru melalui GOALS, USIM (sekiranya di arahkan).
- (ii) Sekiranya terdapat masalah teknikal dengan modul “*online assignment*” GOALS USIM, tugas tersebut hendaklah dihantar melalui e-mel sebelum tarikh akhir yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelajar dianggap tidak menghantar tugas tersebut.
- (iii) Sekiranya terdapat masalah teknikal daripada pihak pelajar (komputer atau rangkaian di rumah/pejabat/*cybercafe*) yang menyebabkan pelajar tidak dapat menghantar tugas pada tarikh yang ditetapkan, pelajar bertanggungjawab menghubungi guru melalui e-mel dan/atau telefon untuk memaklumkan masalah yang pelajar hadapi.
- (iv) Semua tugas perlulah disediakan menggunakan perisian *Microsoft Office (Words, PowerPoint, Excel, Excess dll.)* melainkan perisian lain yang dimaklumkan oleh guru.
- (v) Pelajar dikehendaki menyimpan salinan asal tugas tersebut dalam bentuk “*hard copy*” dan “*soft copy*” untuk tujuan rekod dan semakan sekiranya perlu.
- (vi) Pelajar bertanggungjawab memastikan fail tugas yang dihantar kepada guru melalui modul “*online assignment*” atau e-mel bebas dari virus. Sekiranya fail tersebut mempunyai virus, pelajar akan diminta mengirim semula fail yang bebas dari virus tidak lebih dari 24 jam dari masa pemberitahuan tersebut.
- (vii) Sekiranya tugas pelajar tidak diterima kerana melanggar mana-mana garis panduan ini, pelajar akan dianggap tidak menghantar tugas mengikut tarikh yang ditetapkan dan boleh diberikan Gred “F” untuk tugas tersebut.

## LAMPIRAN B

### GARIS PANDUAN FORUM GOALS

- (i) Guru menetapkan sekurang-kurangnya **SATU** forum untuk satu semester.
- (ii) Guru bertanggungjawab ke atas topik untuk setiap forum seliaan mereka, dan topik tersebut hendaklah ilmiah, profesional dan bebas dari sebarang unsur fitnah, atau sebarang pengaruh yang boleh mencetuskan ketegangan.
- (ii) Guru menetapkan tempoh masa untuk forum dan menutup forum apabila tamat tempoh.
- (iii) Guru akan mengambil bahagian dalam forum semasa forum dibuka atau setelah mendapat respon pelajar. Maklum balas boleh diberikan melalui *announcement* kursus atau forum.
- (iv) Gred/markah diberi berdasarkan kuantiti dan / atau kualiti respon yang diterima.
- (v) Markah hanya diberi untuk maklum balas yang diterima semasa tempoh forum dibuka.
- (vi) Pelajar dinasihatkan memberi tumpuan kepada topik yang ditetapkan oleh guru dan **TIDAK BOLEH** memulakan sesuatu topik baru yang tiada kaitan dengan topik yang dibincangkan.
- (vii) Setiap pelajar berhak menyuarakan pendapat masing-masing dan **TIDAK BOLEH** memperlekehkan pendapat orang lain secara yang tidak ilmiah/profesional. Pelajar yang melanggar garis panduan ini boleh diberikan Gred "F" sekiranya respon forum diambilkira sebagai sebahagian daripada penilaian kursus.
- (viii) Kritikan berbentuk fitnah / peribadi **DILARANG** sama sekali. Pelajar yang melanggar garis panduan ini boleh diberikan Gred "F" sekiranya respon forum termasuk dalam penilaian kursus.
- (ix) Pelajar **TIDAK BOLEH** memberi respon dengan tujuan mengapi-apikan isu yang bermotifkan politik. Pelajar yang melanggar garis panduan ini boleh diberikan Gred "F" sekiranya respon forum diambilkira sebagai sebahagian daripada penilaian kursus.
- (x) Pelajar yang melanggar mana-mana garis panduan forum boleh diarahkan untuk meninggalkan forum berkaitan. Makluman ini hendaklah disampaikan secara peribadi oleh guru atau pengendali forum.

## LAMPIRAN C

GARIS PANDUAN "BLENDED MODE"

Garis panduan ini bertujuan bagi menunjukkan penanda aras kepada guru dalam pembangunan e-kandungan sekiranya guru membuat pengajaran secara "blended mode".

MODUL	KPI
Modul 1 (News Forum) - 5%	Sekurang-kurangnya 7 <i>posts</i> dibuat
Modul 1 (Course Outline) - 5%	1 <i>Course Outline</i> dimuat naik (Mesti menggunakan perkataan <i>Course Outline</i> )
Modul 2 (Forum) - 15%	3 tajuk <i>forum</i> yang MESTI disertai oleh pelajar-pelajar di dalam perbincangan online
Modul 3 (SCORM) - 10%	Sekurang-kurangnya penghasilan 1 <i>Learning Object / e-Content</i> dalam <i>Standard SCORM</i>
Modul 4 (Upload File + URL) - 15%	Sekurang-kurangnya 30 bahan pengajaran berbentuk <i>softcopy</i> di muat naik (PDF, Word, <i>Audio Clip</i> , <i>Video Clip</i> , dll)
Modul 5 (Quiz) - 15%	Sekurang-kurangnya 3 <i>Online Quiz</i>
Modul 6 (Learning Object/ Web 2.0 Tools) - 20%	Sekurang-kurangnya 10 <i>Learning Object</i> dibangunkan
Modul 7 (Assignment) - 15%	Sekurang-kurangnya 3 <i>Online Assignment</i>

## LAMPIRAN D

### GARIS PANDUAN AMALAN E-PEMBELAJARAN GURU

Adalah menjadi tanggung jawab guru untuk:

- (i) Mematuhi Polisi umum ICT yang ditetapkan oleh USIM.
- (ii) Memaklumkan kepada pelajar di permulaan sesuatu kursus tentang komponen pembelajaran atas talian serta pemberatan yang dikhususkan untuk penglibatan pelajar.
- (iii) Menyokong dan menyumbang kepada satu komuniti pembelajaran yang bermakna melalui tugas / projek serta maklum balas yang diberikan kepada pelajar.
- (iv) Memberi kesedaran serta kefahaman kepada pelajar tentang harapan, peranan serta tanggungjawab guru dan pelajar dalam sesebuah komuniti pembelajaran atas talian.
- (v) Memastikan pelajar mempunyai kemahiran teknologi yang minimum untuk melibatkan diri dalam sesi pembelajaran atas talian yang dianjurkan guru.
- (vi) Membantu pelajar menyesuaikan pembelajaran atas talian dengan memimpin dan membimbing pelajar terutamanya pelajar yang kurang kemahiran tentang teknologi yang digunakan.
- (vii) Mematuhi akta hak cipta yang telah ditetapkan oleh USIM (mendapatkan persetujuan pelajar sebelum menggunakan bahan-bahan yang dihasilkan oleh pelajar sama ada untuk tujuan penyelidikan atau pengkomersilan).
- (viii) Mengamalkan profesionalisme sebagai seorang guru terutamanya apabila berinteraksi dan memberikan maklum balas kepada peserta komuniti pembelajaran atas talian.
- (ix) Menghormati semua peserta komuniti pembelajaran atas talian dengan mengamalkan kod etika serta peraturan di USIM.
- (x) Menggunakan sama ada Bahasa Inggeris, Bahasa Arab atau mana-mana bahasa yang telah ditetapkan sebagai pengantar bagi mana-mana kursus.
- (xi) Memberikan tugas / projek yang melibatkan penggunaan teknologi atas talian yang bersepadanan dengan kemampuan pelajar terutamanya dari segi masa dan kemahiran pelajar.
- (xii) Memastikan tugas yang dihantar oleh pelajar mematuhi Polisi Plagiat USIM.
- (xiii) Menggunakan perisian dan aplikasi anti-plagiat USIM selaras dengan Garis Panduan Penggunaan Perisian Anti-Plagiat USIM.

## LAMPIRAN E

### GARIS PANDUAN AMALAN E-PEMBELAJARAN PELAJAR

- (i) Mematuhi Polisi umum ICT yang ditetapkan oleh USIM.
- (ii) Pelajar dinasihatkan melawat/mengakses kursus melalui GOALS sekurang-kurangnya sekali sehari untuk mengikuti perkembangan/pemberitahuan kursus dari masa ke masa.
- (iii) Pelajar dinasihatkan membaca pengumuman melalui modul '*News Forum*' dari masa ke masa untuk menyemak sebarang perkembangan/pemberitahuan kursus.
- (iv) Pelajar perlu menyimpan satu salinan tugas yang dihantar melalui GOALS untuk rekod dan semakan bila diperlukan.
- (v) Semua tugas yang dihantar mestilah bebas dari unsur plagiat.
- (vi) Akses kepada kursus, termasuk bahan yang disediakan oleh guru dan pelajar seperti interaksi dalam forum hanya dibenarkan oleh pelajar yang mendaftar kursus sahaja dan bukan oleh pihak luar.
- (vii) Semua bahan yang disediakan oleh pelajar termasuk entri forum akan digunakan hanya untuk kegunaan kursus tersebut melainkan mendapat persetujuan pelajar untuk kegunaan lain seperti penyelidikan dan penerbitan.
- (viii) Semua bahan yang disediakan dalam kursus adalah hak milik USIM. Justeru, pelajar tidak dibenarkan menggunakannya selain untuk tujuan pembelajaran, dengan mendapatkan keizinan bertulis daripada USIM melalui PHIP terlebih dahulu.
- (ix) Segala tingkahlaku atau / dan maklumbalas pelajar atas talian hendaklah bertepatan dengan mana-mana pernyataan yang dinyatakan pada polisi ini dan peraturan siswazah USIM.